

2611/2
PENDIDIKAN SENI VISUAL /PC
Kertas 2
3 jam

PENDIDIKAN SENI VISUAL
Kertas 2
TIGA JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan
2. Jawab SATU soalan sahaja

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak

[lihat halaman sebelah

Arahan kepada Ketua Pengawas.

- a) Kertas lukisan yang disediakan bagi peperiksaan SPM berukuran lebih kurang 28 cm X 38 cm.
- b) Pastikan semua hasil kerja calon telah kering sebelum dibungkus. Hasil kerja tersebut **jangan dilipat atau digulung** untuk mengelakkan daripada sebarang kerosakan.
- c) Jika calon menggunakan krayon atau pastel, permukaan lukisan tersebut hendaklah dilapik dengan kertas yang sesuai. Setiap hasil kerja calon **tidak boleh** dibungkus keseluruhannya dengan kertas atau plastic.
- d) Jika calon menggunakan teknik kolaj atau teknik campuran, mereka boleh menggunakan kertas berwarna atau bahan terbuang yang nipis seperti kulit majalah, perca kain dan lain-lain yang dibawa sendiri oleh calon.

[Lihat sebelah

Arahan kepada calon

- a) Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan. Tuliskan dengan **terang Nombor Kad Pengenalan, Nombor Pusat, Angka Giliran, Kod Mata Pelajaran, Nombor Soalan dan Ruang Markah** mengikut susunan yang ditetapkan di sudut kanan sebelah muka hadapan kertas lukisan anda. (Lihat gambar rajah di bawah)

The diagram shows a rectangular box with a height of 5 cm and a width of 8 cm. Inside the box, on the right side, there are five horizontal lines for writing, each preceded by a label: NO. KAD PENGENALAN, NO PUSAT, ANGKA GILIRAN, KOD MATA PELAJARAN, NO.SOALAN, and MARKAH. The labels are in bold capital letters. The dimensions are indicated by arrows: a vertical arrow on the left labeled '5 cm' and a horizontal arrow at the bottom labeled '8 cm'.

- b) Hasil kerja anda hendaklah yang asli
 c) Hasil kerja anda hendaklah memenuhi atau hampir memenuhi kertas lukisan kecuali ruang 5 cm X 8 cm yang ditetapkan.
 d) Anda **tidak boleh menggunakan bahan penggilat atau syelek** pada permukaan hasil kerja yang sudah siap.
 e) Anda bebas menggunakan apa jua teknik **kecuali teknik semburan dan asemblaj**. Jika teknik kolaj digunakan, anda hendaklah menggunakan kertas berwarna atau bahan terbuang yang nipis seperti majalah, perca kain dan lain-lain yang dibawa sendiri
 f) Hasil kerja anda hendaklah dalam **bentuk 2 D (Dua Dimensi)** sahaja.

Pilih satu soalan berikut:

1. Seorang budak sedang membaiki basikalnya yang rosak di tepi pagar rumahnya. Kelihatan peralatan membaiki basikal berselerakan di sana sini. Gambarkan keadaan itu dari jarak dekat.
2. Anda bermimpi berada di sebuah istana kayangan. Kelihatan sebahagian bangunan istana telah diliputi dengan pelbagai tumbuhan ganjil dan beraneka warna. Gambarkan keadaan ini dengan mengambil kira ruang hadapan, jalinan, bentuk dan warna.
3. Di kawasan lereng bukit yang berbatu terdapat sebatang pokok yang sangat besar dan tua. Akarnya yang berselirat menjalar keluar dari batang pokok. Di celah akar tersebut kelihatan seekor anab menyembunyikan diri. Gambarkan situasi tersebut dengan memberi penekanan kepada bentuk, jalinan dan ruang.
4. Di dalam sebuah gua yang menyeramkan, kelihatan rangka-rangka tulang manusia berselerak di tepi beberapa bongkah batu besar dan kecil. Terdapat lopak-lopak air membasahi kawasan sekitarnya. Gambarkan suasana tersebut dari jarak dekat.
5. Beberapa tandan kelapa dilonggokkan di pangkal sebatang pokok kelapa. Terdapat sebiji kelapa terbelah dua menampakkan sebahagian isinya. Gambarkan situasi di atas dari jarak dekat dengan memberi penekanan kepada bentuk, jalinan dan komposisi yang menarik.
6. Dalam hujan renyai-renyai, kelihatan beberapa orang kampung sedang membantu mangsa sebuah kenderaan yang terbabas di dalam parit yang berair. Lukiskan suasana di tempat kejadian tersebut.

-SOALAN TAMAT-